

MPU3142

BAHASA MELAYU
KOMUNIKASI II

SELF INSTRUCTIONAL
MATERIALS

ACADEMIC YEAR 2023

**FACULTY OF BUSINESS, HUMANITIES &
HOSPITALITY**

**BACHELOR OF COMMERCE (HONOURS)
IN BANKING AND FINANCE**

TOPIK 4 Saya, Kawan dan Keluarga II

HASIL PEMBELAJARAN

Pada akhir topik ini, anda seharusnya dapat:

1. Menyatakan nama anggota badan manusia, kata adjektif dan perwatakan yang berkaitan dengannya;
2. Menghuraikan keluarga;
3. Menjelaskan kata kerja yang bersesuaian dalam situasi berkunjung; dan
4. Menggunakan kata tanya dan kata tunjuk.

PENGENALAN


Pada asasnya, bahasa Melayu mempunyai istilah tersendiri untuk menamakan anggota badan, menggambarkan rupa paras dan bentuk fizikal manusia. Biasanya, kata adjektif akan digunakan untuk menghuraikan sifat rupa, fizikal dan perwatakan manusia.

Oleh itu, topik ini akan membincangkan nama anggota badan manusia, kata adjektif dan perwatakan yang berkaitan dengannya. Selain itu, topik ini juga membincangkan keluarga dan kata kerja yang bersesuaian dalam situasi berkunjung.

Akhir sekali, anda akan diperkenalkan dengan kata tanya dan kata tunjuk agar anda dapat menggunakannya dengan betul. Mari kite teruskan pembelajaran kita!


4.1**MENGENALI ANGGOTA BADAN**

Cuba anda namakan anggota muka manusia? Secara umumnya, anggota muka manusia terdiri daripada mata, hidung, mulut dan telinga seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4.1.



Rajah 4.1: Anggota muka

Bagaimanakah pula dengan anggota badan? Mari kita lihat jawapannya dalam Rajah 4.2.



Rajah 4.2: Anggota badan

4.1.1 Pola Ayat Dasar 2 – Frasa Nama + Frasa Adjektif

Apakah yang dimaksudkan dengan kata adjektif?

Kata adjektif ialah kata yang merujuk kepada **sifat** atau **keadaan**.


Kata adjektif boleh dibahagikan kepada dua, iaitu kata adjektif untuk **rupa** dan kata adjektif untuk **fizikal**.





(a) Kata Adjektif untuk Rupa Manusia

Terdapat pelbagai kata adjektif yang boleh digunakan untuk menerangkan rupa paras manusia. Kata adjektif ini digunakan untuk menggambarkan anggota tubuh badan yang berbeza. Contohnya, kebanyakan rambut orang Asia Tenggara berwarna hitam.

Mari kita lihat Jadual 4.1 yang menerangkan beberapa kata adjektif untuk rupa.

Jadual 4.1: Kata Adjektif untuk Rupa

Anggota Badan	Kata Adjektif
Rambut 	Hitam (<i>black</i>)
	Lurus (<i>straight</i>)
	Keriting (<i>curly</i>)
	Perang (<i>blond</i>)
	Panjang (<i>long</i>)
	Pendek (<i>short</i>)

<p>Mata</p> 	<p>Bulat (<i>round</i>)</p> <hr/> <p>Hitam (<i>black</i>)</p> <hr/> <p>Coklat (<i>brown</i>)</p>
<p>Hidung</p> 	<p>Mancung (<i>sharp</i>)</p> <hr/> <p>Pesek (<i>flat</i>)</p>
<p>Muka</p> 	<p>Bulat (<i>round</i>)</p> <hr/> <p>Bujur (<i>oval</i>)</p> <hr/> <p>Segi empat (<i>square face</i>)</p>
<p>Tangan</p> 	<p>Panjang (<i>long</i>)</p> <hr/> <p>Pendek (<i>short</i>)</p>

Sekarang, mari kita lihat **pola ayat dasar 2** menggunakan **kata adjektif**. Jadual 4.2 memberikan beberapa contoh ayat yang menggunakan **pola frasa nama + frasa adjektif (FN + FA)**. Cuba anda baca ayat-ayat dalam jadual ini.

Jadual 4.2: Contoh Ayat yang Menggunakan Pola Frasa Nama + Frasa Adjektif (FN + FA)

Subjek FN	Predikat FA	Ayat
Rambut saya	hitam	Rambut saya berwarna hitam.
Mary	tinggi	Mary tinggi.
Jari dia	pendek	Jari dia pendek.
Hidung Thomas	mancung	Hidung Thomas mancung.






SEMAK KENDIRI 4.1

1. Apakah warna rambut kebanyakan orang Asia Tenggara?



AKTIVITI 4.1

1. Nyatakan sifat anggota badan berikut:

Anggota	Sifat
<p>Rambut</p>  <p>Lily</p>	
<p>Hidung</p>  <p>Kate</p>	
<p>Mata</p>  <p>Anita</p>	

2. Buat ayat dasar berpola FN + FA berdasarkan gambar Lily, Kate dan Anita.

(a) Rambut Lily _____

(b) Rambut Lily _____

(c) Hidung Kate _____

(d) Mata Anita _____

(b) *Kata Adjektif Fizikal Manusia*

Apakah perkataan yang boleh kita gunakan untuk menggambarkan bentuk fizikal manusia? Antara perkataan yang boleh kita gunakan untuk menggambarkan bentuk fizikal manusia adalah:

- (i) Tinggi – *tall*;
- (ii) Rendah – *short*;
- (iii) Gemuk – *fat*;
- (iv) Kurus – *thin*;
- (v) Kacak – *handsome*;
- (vi) Cantik – *pretty*; dan
- (vii) Hodoh – *ugly*.

Cuba baca ayat-ayat berikut yang menggambarkan sifat fizikal manusia:

- (i) Johan tinggi;
- (ii) Mirza rendah;
- (iii) Ah Kwan gemuk;

- (iv) Mary kurus;
- (v) Jung Ho kakak; dan
- (vi) Kate cantik.



AKTIVITI 4.2

1. Dalam forum myINSPIRE, gambarkan bentuk fizikal anda sendiri kepada rakan anda. Perkara yang perlu digambarkan termasuklah muka, mata, rambut dan bentuk badan anda.
2. Anda tentu mempunyai seorang rakan karib. Gambarkan keadaan fizikal rakan tersebut dengan jelas. Perkara yang perlu digambarkan termasuklah muka, mata, rambut dan bentuk badan.

3.	Sifat Fizikal dalam Bahasa Melayu	Jawapan
	Rendah	
	Gemuk	
	Tinggi	
	Kurus	
	Kacak	
	Cantik	
	Kotor	
	Hodoh	
	Muda	
	Tua	

4. Gambarkan bentuk fizikal Afiq.



Afiq

4.1.2 Perwatakan

Apakah yang dimaksudkan dengan perwatakan?

Perwatakan ialah **perangai** atau **perlakuan** manusia yang dapat **dilihat** oleh orang lain.

Secara umumnya, manusia mempunyai perwatakan yang berbeza-beza. Cuba anda senaraikannya. Antara perwatakan manusia yang sering disebut adalah seperti yang berikut:

- (a) Pemalu (malu) – *shy*;
- (b) Sopan – *polite*;

- (c) Berani – *brave*;
- (d) Rajin – *hardworking*;
- (e) Garang – *fierce*;
- (f) Pemalas – *lazy*;
- (g) Penyayang (sayang) – *caring*;
- (h) Penyabar (sabar) – *patient*;
- (i) Penakut (takut) – *coward*;
- (j) Biadab – *rude*;
- (k) Pemarah (marah) – *grumpy*;
- (l) Ceria – *cheerful*; dan
- (m) Peramah (ramah) – *friendly*.



SEMAK KENDIRI 4.2

1. Apakah yang dimaksudkan dengan perwatakan?


 AKTIVITI 4.3

1. Kenal pasti perwatakan Firdaus dan Julia dengan menggariskan perkataan yang mewakilinya berdasarkan dialog berikut:

Firdaus : Selamat pagi Julia!

Julia : Selamat pagi Firdaus! Awak sangat sopan.
Kita perlu sentiasa sopan. Kita tidak bolehbiadab.

Julia : Ya, betul! Awak hendak ke mana?

Firdaus : Saya hendak ke perpustakaan.

Julia : Wah, rajinnya!

Firdaus : Awak pun apa kurangnya. Awak sentiasa ceria.

Julia : Terima kasih. Yang penting kita penyayang.

2. Tulis semula ayat-ayat dalam bahasa Inggeris berikut ke dalam bahasa Melayu.

Ayat Bahasa Inggeris	Jawapan
<i>He is polite.</i>	
<i>Junita is shy.</i>	
<i>My teacher is caring.</i>	
<i>Pat is cheerful.</i>	
<i>His teacher is fierce.</i>	
<i>Tony is brave.</i>	

4.2 KELUARGA

Apakah yang dimaksudkan dengan keluarga?

Keluarga ialah kelompok manusia yang mempunyai pertalian darah.

Keluarga asas biasanya terdiri daripada bapa, ibu dan anak-anak (lihat Rajah 4.3). Biasanya keluarga tinggal di tempat kediaman yang sama.




Rajah 4.3: Keluarga asas

Apakah perkataan yang digunakan dalam keluarga? Antara perkataan yang biasa digunakan dalam keluarga ialah:

- (a) Bapa, ayah – *father, daddy*;
- (b) Emak, ibu – *mother, mummy*;
- (c) Kakak – *elder sister*;
- (d) Abang – *elder brother*; dan
- (e) Adik – *younger sister/brother*.

Sekarang, mari kita lihat satu contoh keluarga dalam Rajah 4.4.



Rajah 4.4: Keluarga Nisha



AKTIVITI 4.4

1. Jawab soalan berikut berdasarkan Rajah 4.4:
 - (a) Siapakah yang digelar bapa dalam keluarga Nisha?
 - (b) Berapakah bilangan adik Nisha?
 - (c) Siapakah Vasanta dalam keluarga Nisha?
 - (d) Berapakah ahli yang terdapat dalam keluarga Nisha?
2. Dalam forum myINSPIRE, tulis maklumat tentang keluarga anda. Nyatakan nama ahli dalam keluarga anda dan ceritakan perwatakan mereka.

4.3 KATA KERJA DALAM SITUASIBERKUNJUNG

Rakyat Malaysia terkenal sebagai orang yang berbudi bahasa. Antaranya ialah kita mementingkan kesopanan dalam melayan tetamu yang datang. Terdapat beberapa perkataan tertentu yang boleh digunakan apabila melayan tetamu yang datang. Antara kata kerja yang sering digunakan dalam situasi berkunjung ialah:

- (a) Masuk – *come in*;
- (b) Duduk – *sit*;
- (c) Makan – *eat*;

- (d) Minum – *drink*;
- (e) Pulang – *return*; dan
- (f) Berbual – *talk*.

Cuba baca dialog berikut dan kenal pasti kata kerja yang dituturkan:

Amar : Selamat datang. Jemput masuk ke rumah.
 Seelan : Terima kasih, Amar.
 Amar : Duduk dulu Seelan. Sila minum di sini.
 Seelan : Wah, ramainya yang datang. Semuanya sedang makan.
 Amar : Mereka sudah lama di sini. Ada yang sudah pulang.
 Seelan : Janganlah pulang dahulu. Kita boleh berbual lagi.

4.3.1 Ungkapan Sopan

Sekarang, mari kita pelajari ungkapan sopan. Biasanya, kata kerja yang dituturkan dalam situasi melawat dan berkunjung akan ditambah dengan ungkapan yang sopan. Hal ini bertujuan menjadikan tetamu berada dalam keadaan selesa dan berasa diri mereka dihargai.

Cuba anda berikan beberapa contoh ungkapan sopan. Antara contoh ungkapan sopan yang boleh dituturkan disenaraikan dalam Jadual 4.3.

Jadual 4.3: Contoh Ungkapan Sopan

Kata Kerja	Ungkapan Sopan	Bahasa Inggeris
Masuk	Jemput masuk.	<i>Please come in.</i>
Duduk	Sila duduk.	<i>Please sit down.</i>
Makan	Jemput makan.	<i>Please eat.</i>
Minum	Sila minum.	<i>Please drink.</i>

K 4.4 TANYA ASAS

Apakah yang dimaksudkan dengan kata tanya?

Kata tanya ialah perkataan yang digunakan untuk **bertanyakan sesuatu**.

Kebiasaannya perkataan ini digunakan pada pangkal ayat seperti yang berikut:

- (a) Apakah – *what*;
- (b) Siapakah – *who*;
- (c) Di manakah – *where*;
- (d) Bilakah – *when*;
- (e) Berapakah – *how many/much*;
- (f) Mengapakah – *why*; dan
- (g) Bagaimanakah – *how*.

Untuk makluman anda, kata tanya dasar bagi kata tanya adalah **apa, siapa, di mana, bila, berapa, mengapa** dan **bagaimana**. Dalam bahasa Melayu, biasanya kata partikel „-kah% digunakan sekali dengan kata tanya.

Mari kita lihat beberapa contoh ungkapan menggunakan kata tanya dalam Jadual 4.4.

Jadual 4.4: Beberapa Contoh Ungkapan Kata Tanya

Kata Tanya (Bahasa Melayu)	Terjemahan (Bahasa Inggeris)
Apakah jawapan awak?	<i>What is your answer?</i>
Siapakah yang akan datang?	<i>Who will come?</i>
Siapakah Jonathan?	<i>Who is Jonathan?</i>
Siapakah awak?	<i>Who are you?</i>
Di manakah awak tinggal?	<i>Where do you live?</i>
Bilakah awak akan datang?	<i>When will you come?</i>
Berapakah jumlah pelajar?	<i>How many students?</i>
Mengapakah awak lambat?	<i>Why are you late?</i>

Bagaimanakah awak mengatasi masalah tersebut?

How do you solve the problem?



AKTIVITI 4.5

1. Susun perkataan berikut supaya menjadi ayat tanya.

Perkataan				Jawapan
awak	nama	siapakah		
Amir	rumah	di manakah		
umur	berapakah	awak	emak	
balik	hendak	awak	bagaimanakah	
datang	dia	bilakah	hendak	
menangis	awak	adik	mengapakah	tadi

2. Cari seorang rakan anda. Dapatkan maklumat tentang diri rakan

4.5 KATA TUNJUK





Apakah yang dimaksudkan dengan kata tunjuk?

Kata tunjuk ialah perkataan yang digunakan untuk **menunjuk sesuatu**.

Pada dasarnya, terdapat dua kata tunjuk dalam bahasa Melayu, iaitu **itu** (*that*) dan **ini** (*this*).

Mari kita teliti beberapa contoh ayat yang menggunakan ayat tunjuk (lihat Jadual 4.5).

Jadual 4.5: Contoh Ungkapan Kata Tunjuk

Kata Tanya (Bahasa Melayu)	Terjemahan (Bahasa Inggeris)
<p data-bbox="162 340 351 369">Itu basikal saya.</p> 	<p data-bbox="686 340 903 369"><i>That is my bicycle.</i></p>
<p data-bbox="162 701 308 730">Ini beg saya.</p> 	<p data-bbox="686 701 861 730"><i>This is my bag.</i></p>
<p data-bbox="162 996 429 1025">Ini telefon bimbit saya.</p> 	<p data-bbox="686 996 953 1025"><i>This is my handphone.</i></p>
<p data-bbox="162 1338 329 1367">Itu buku saya.</p> 	<p data-bbox="686 1338 882 1367"><i>That is my book.</i></p>

Mari kita baca dialog berikut untuk mengetahui cara penggunaan kata tunjuk:

Lorna : Siapakah **itu**?
 Puspa : Oh, **ini** adik saya. Namanya Santi.
 Lorna : Yang **itu** adik awak juga?
 Puspa : Bukan! Yang **ini** kawan adik saya.
 Lorna : Saya ingat **itu** adik awak.
 Puspa : Adik saya seorang sahaja. Hanya **ini** adik saya.

RUMUSAN

- Manusia memiliki rupa paras, fizikal dan perwatakan yang berbeza-beza.
- Kata adjektif ialah kata yang merujuk kepada sifat atau keadaan.
- Untuk menerangkan rupa paras manusia, terdapat pelbagai kata adjektif yang digunakan untuk anggota badan tertentu.
- Contohnya, rambut ada yang berwarna hitam, lurus, keriting dan perang, manakala mata ada yang berwarna hitam, coklat dan bulat.
- Antara perkataan yang boleh kita gunakan untuk menggambarkan bentuk fizikal manusia adalah tinggi, rendah, gemuk, kurus, kacak dan hodoh.
- Perwatakan ialah perangai atau perlakuan manusia yang dapat dilihat oleh orang lain.
- Manusia mempunyai perwatakan yang berbeza-beza. Antaranya ialah pemalu, sopan, berani, garang, pemalas dan penyabar.
- Keluarga merupakan kelompok manusia yang mempunyai pertalian darah dan tinggal bersama-sama.
- Apabila berkunjung ke rumah rakan, kita perlu menggunakan bahasa yang sopan seperti jemput masuk, sila duduk dan sila makan.
- Kata tanya ialah perkataan yang digunakan untuk bertanyakan sesuatu.

- Kebiasaannya perkataan ini digunakan pada pangkal ayat seperti apakah, siapakah, di manakah, bilakah, berapakah, mengapakah dan bagaimanakah.
- Kata tunjuk ialah perkataan yang digunakan untuk menunjuk sesuatu.
- Terdapat dua kata tunjuk dalam bahasa Melayu, iaitu itu dan ini.

KATA KUNCI

Anggota badan

Kata tunjuk

Bentuk fizikal

Keluarga

Kata adjektif

Perwatakan

Kata tanya



RUJUKAN

Ab Rahman Ab Rashid, & Yap Kim Fatt. (1997). *Bahasa Melayu komunikasi 1*.

Petaling Jaya, Malaysia: Longman Malaysia.

Ab Rahman Ab Rashid, & Yap Kim Fatt. (1998). *Bahasa Melayu komunikasi 3*.

Petaling Jaya, Malaysia: Longman Malaysia.

Zarina Othman, Roosfa Hashim, & Rusdi Abdullah. (2012). *Modul komunikasi bahasa Melayu antarabangsa*. Bangi, Malaysia: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.